

Tanah mendap: DBKL, IWK periksa paip kumbahan

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Indah Water Konsortium (IWK) telah diminta untuk memeriksa paip kumbahan di lokasi insiden tanah mendap yang berlaku berdekatan Pondok Polis di Jalan Masjid India di sini semalam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, sebagai langkah keselamatan, kawasan kejadian yang berlaku kira-kira jam 2.30 pagi semalam itu telah ditutup menggunakan tali keselamatan dan penghadang air.

“Kami akan terus bekerjasama erat dengan IWK serta agensi lain bagi memastikan tindakan susulan yang berterusan dan menyeluruh dilaksanakan untuk mencegah kejadian serupa daripada berlaku pada masa hadapan.

“Keselamatan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur ialah keutamaan kami. DBKL akan terus memantau keadaan ini dan mengambil langkah-langkah

sewajarnya untuk memastikan keselamatan awam,” katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Bernama melaporkan kejadian tanah mendap itu dilihat berlaku kira-kira 50 meter dari lokasi insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi ACP Suliezmy Affendy Sulaiman berkata perbincangan sedang dilakukan untuk memperluas penutupan jalan dan perkembangan lanjut akan dimaklumkan kemudian.

Kejadian tanah mendap itu dipercayai berlaku awal pagi selepas hujan lebat dan ribut pada malam kelmarin.

Kejadian tanah jerlus pada Jumaat lepas menyebabkan seorang wanita dikenali sebagai Vijayaletchumy, 48, dari Kup-pam, Andhra Pradesh, India hilang selepas terjatuh ke lubang sedalam lapan meter di situ dengan operasi mencari dan menyelamat memasuki hari keenam semalam. — Bernama



TINJAU: ACP Suliezmy Sulaiman (tengah), berada di lokasi kejadian tanah mendap yang terletak kira-kira 50 meter dari tapak insiden tanah jerlus sebelumnya, yang melibatkan seorang warganegara India di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama